



اَوْنُوْ سَیِّتِیْ تَیْکُوْ لُوْ کِیْ مَیْاَرَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

**EDISI 3
OKTOBER 2025**

U

R

H

P

PROGRAM KOLABORASI *SPLASH RUN* JPK X AM2385A

AINA QISTINA JAMIROSYADI & NURIN BATRISYA WAHID



Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) dengan kerjasama kelas AM2385A, Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) telah menganjurkan program *Splash Run* yang berkonsepkan *colour run*. Program ini diadakan pada 14 Jun 2025 bertempat di sekitar kawasan kolej dan kampus UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Splash Run merupakan inisiatif yang bertujuan memupuk semangat kesukanan, meningkatkan tahap kecergasan pelajar serta mengeratkan hubungan silaturahim antara peserta melalui aktiviti riadah santai. Konsep *colour run* yang digunakan telah menambahkan lagi kemeriahan apabila peserta berlari sambil disimbahi serbuk warna pelbagai rona, menjadikan suasana penuh keceriaan dan gelak tawa.

Program ini mendapat sambutan menggalakkan daripada pelajar kolej dan warga kampus. Selain aktiviti larian, pelbagai sesi pemanasan badan (*warm-up*) turut diadakan bagi memastikan peserta berada dalam keadaan bersedia sebelum memulakan larian sejauh 3km mengelilingi seluruh kampus.

